

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HKT 502 – Teori dan Kaedah Penyelidikan Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** bahagian iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja, sekurang-kurang **SATU [1]** dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. Penyelidikan adalah suatu alatan ilmu yang amat penting. Pada pendapat anda apakah tujuan penyelidikan dan faedah yang mungkin didapati daripadanya?

2. Pemerhatian yang tajam dan tuntas serta penurunan nota yang lengkap adalah syarat penting dalam kaedah kajian lapangan. Rangkakan sebuah penyelidikan dan sebutkan hal-hal yang perlu dititikberatkan dalam pemerhatian anda.

3. Sebelum seseorang penyelidikan turun ke lapangan dia harus bersedia secara lengkap. Sekiranya dia ingin merakam sebuah pertunjukan wayang kulit ATAU penglipur lara, bagaimanakah harus dia mempersiapkan dirinya?

BAHAGIAN B

4. Anda ditugaskan untuk menyelidik proses kreatif seseorang pengarang dan akan bertemu dengannya. Sementara itu karyanya telah anda kenali dengan terperinci. Huraikan perkara-perkara yang perlu mendapat perhatian dalam temubual ini.
5. 'Tidak mungkin sebuah karya akademik yang baik tercipta dari kerja yang dangkal atau fikiran sempit,' kata seorang penyelidik terkenal. Pada pendapat anda apakah ciri-ciri penting sebuah karya akademik yang berjaya?
6. Anda diminta mentranskripsikan sebuah manuskrip Melayu dalam tulisan Jawi, yang terdapat di Perpustakaan Negara. Apakah ruang tugas anda dan bagaimanakah akan anda sempurnakannya?

--oo000oo--